

## ASPEK MORFOLOGI DALAM TERJEMAHAN HADITH DALAM TEKS KHUTBAH JUMAAT TERBITAN JAIS

Saifulah bin Samsudin<sup>1</sup>, Abdul Manan bin Yusof<sup>1</sup>, Husni bin Abdullah<sup>1</sup>  
& Hamid bin Mat Isa<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

<sup>2</sup>Jabatan Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Saifulah bin Samsudin, Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia. e-mail: [saifulah@kuis.edu.my](mailto:saifulah@kuis.edu.my)

### Abstrak

Khutbah jumaat dianggap sebagai medium dakwah yang penting dalam kalangan orang Islam. Ia merupakan penyelesaian yang berkesan dalam menyebarkan mesej-mesej penting kepada ahli jemaah. Ia bukan sahaja perlu dilaksanakan sebagai memenuhi syarat sah solat Jumaat, tetapi ia juga perlu memenuhi kriteria komunikasi yang berkesan. Aspek penggunaan bahasa yang lengkap dengan cara penyampaian yang betul perlu dilaksanakan. Dalam pada itu, hadis sebagai sumber rujukan utama kedua bertindak sebagai teras utama dalam menguatkan hujah-hujah dalam khutbah Jumaat. Para sarjana hadis banyak menumpukan perhatian mereka kepada aspek *dirayah* dan *riwayah* dalam ilmu hadis. Namun, dari pemerhatian awal, aspek terjemahan dalam ilmu hadis telah dipinggirkan. Kajian ini tertumpu kepada kesan struktur morfologi dalam teks terjemahan hadis dalam khutbah Jumaat yang diterbitkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Kajian ini juga menggunakan analisis kandungan teks tidak sejajar dan teknik persampelan bertujuan pada teks hadis dalam khutbah Jumaat. Berdasarkan penemuan kajian korpus teks terjemahan hadis ke Bahasa Melayu, terdapat implikasi struktur morfologi dalam maksud teks hadis yang telah diterjemah.

**Kata kunci:** Terjemahan Hadis, Khutbah Jumaat, Aspek Morfologi

## ***(The Morphological Aspect of Hadith Translation Text in Friday Sermon Published by JAIS)***

### **Abstract**

*Friday sermon is considered as a very pivotal medium of da'wah for Muslim ummah. It has become an effective solution in conveying messages to the audience. It is not just vital in completing conditions and pillars stipulated by fiqh, but it also needs to fulfil the criteria of effective communication medium. The aspect of language usage that is well-versed with correct language style is a must. Hadith as the second primary source of reference always stands as a core foundation in arguments strength in Friday sermon. Hadith scholars put a lot of focus on dirayah's and riwayat's aspect related with the science of hadith. But, from preliminary observation, the aspect of translation of Friday's sermon hadith seemed quite marginal. This study focuses on the impact of morphological structure in hadith translation texts in Friday sermon published by Selangor Islamic religion authority (JAIS) on targeted texts. This study uses inconsistent text content analysis method and dedicated sampling technique on hadith texts in Friday sermon. Based on analysis of the corpus of hadith translation into Malay language, it was found that text translation in study corpus manages to highlight morphology structure implication on targeted text meaning.*

**Keywords:** *Hadith translation, Friday sermon, Morphology*

Received: May 10, 2021

Accepted: June 21, 2021

Online Published: June 30, 2021

### **1. Pendahuluan**

Khutbah Jumaat merangkumi dua khutbah yang mengandungi ucapan keagamaan yang disampaikan oleh khatib di atas mimbar pada hari Jumaat sebelum solat Jumaat didirikan. Ia merupakan medan untuk menyampaikan mesej agama kepada umat Islam dan ia berperanan sebagai panduan agama terhadap permasalahan yang timbul dalam kehidupan masyarakat Islam. Justeru, teks khutbah Jumaat perlu disiapkan dengan penuh teliti bagi memastikan ia menepati semua syarat dan ciri-cirinya yang sebenar (Rohaily Abd Hamid, 2012: 44).

Bagi memastikan keutuhan hujahan dalam khutbah Jumaat, hadis menjadi salah satu sumber rujukan. Penggunaan hadis di dalam khutbah menjadi kebiasaan di mana matan hadis beserta terjemahan menjadi salah satu identiti teks khutbah Jumaat (Rohaily Abd. Hamid, 2012). Perkara ini dikira sebagai usaha penyebaran ilmu yang baik. Ini adalah kerana terjemahan hadis-hadis nabi ke dalam bahasa Melayu akan dapat membantu umat

Islam mempelajari dan memahami ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW (Faisal Ahmad Shah, 2011: 63)

## **2. Kajian Literatur**

Dalam membicarakan sorotan literatur yang berkait dengan tumpuan kajian ini, pengkaji menumpukan sorotan literatur kepada dua bahagian seperti berikut:

### **2.1 Terjemahan Hadis**

Sebahagian ilmunan menyatakan keharusan menterjemah teks hadis yang dianggap sebagai teks rujukan utama dalam Islam selepas Al-Quran (Harun Zainal Abidin, 2014). Terdapat pendapat yang menyatakan bahawa aktiviti menterjemah teks agama ke bahasa Melayu sebagai *fardu kifayah* di mana keperluan terhadapnya amat mendesak. Ini bagi memastikan golongan masyarakat yang tidak menguasai bahasa Arab sama-sama mendapat maklumat tentang ajaran agama. Bahkan kegiatan menterjemah telah dianggap sebagai aktiviti dakwah yang banyak memberi sumbangan terhadap penyebaran Islam. Masyarakat memerlukan kepada hadis-hadis yang telah diterjemahkan menurut kefahaman dan maksudnya yang sebenar supaya ajaran Islam yang bersumberkan daripada hadis ini tidak terpesong daripada landasannya yang sebenar.

Perkataan terjemahan yang berasal dari bahasa Arab *al-tarjamah* bermaksud memindahkan perkataan dari bahasa kepada bahasa yang lain (Ibn Manzur, 2003). Dari sudut istilah ialah suatu ibarat dengan bahasa kedua kepada makna-makna yang dikemukakan dengan bahasa pertama (Faisal Ahmad Shah: 2011). Terjemahan menurut kamus dewan pula bermaksud memindahkan daripada suatu bahasa kepada bahasa yang lain. Nida dan Taber mendefinisikan terjemahan sebagai penghasilan semula dalam bahasa sasaran, pandangan dan mesej terdekat dengan bahasa asal, dari segi makna dan keduanya dari segi gaya (Mohd Hilmi, 2008: 7). Penerjemahan merupakan seni yang menggabungkan pelbagai cabang bahasa sumber dan bahasa sasaran seperti aspek semantik, sintaksis, morfologi, leksikon, dan sociolinguistik (Muhammad Bukhari Lubis, Mohd Fauzi Jumingan, dan Khairunnawa Mohamed, 1998) . Bahasa mempunyai bentuk dan fungsi. Bentuk terdiri daripada bunyi yang dapat dituliskan manakala fungsinya ialah makna perkataan (Abdullah Hassan, 2007: 17). Bidang kajian yang mengkaji selok belok makna dinamakan sebagai semantik (Nik Hassan Basri, 2005: 19). Dalam bahasa harian perkataan semantik bermaksud makna. Manakala dalam istilah ilmu linguistik semantik membawa maksud kajian fenomena makna dalam bahasa (Abdullah Hassan, 2007: 218).

Dalam sesuatu terjemahan, makna adalah elemen yang paling diutamakan berbanding perkataan (Mohd Hilmi, 2008: 11). Beberapa tokoh terjemahan telah mengemukakan beberapa pendapat berkenaan keutamaan makna dalam terjemahan.

Sebahagian menekankan keperluan untuk mengekalkan makna yang terkandung dalam teks asal dan bukan mengekalkan unsur-unsur seperti perkataan, susunan ayat, dan gaya bahasa.

Kajian ini cuba menyingkap kesan aspek struktural teks khususnya dari aspek morfologi ke atas makna yang dihasilkan dalam teks sasaran iaitu terjemahan hadis yang terdapat dalam teks khutbah terbitan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS) sepanjang 2014 dan 2015.

## **2.2 Morfologi (*Sarf*)**

Unsur-unsur bahasa yang menjadi bahan kajian saintifik dinamakan sebagai ilmu linguistik. Salah satu bab yang disentuh di dalam bidang ilmu linguistik ialah morfologi. Morfologi ialah bidang linguistik yang mengkaji bagaimana perkataan dibina melalui unsur morfem dan kata (Abdullah Hassan, 2007: 117). Ilmu *sarf* atau morfologi ialah ilmu yang memperihalkan tentang perubahan satu perkataan kepada bentuk yang lain (al-Hamlawi, 1999: 9). Dengan perubahan tersebut akan didapati pelbagai makna.

Bangsa Arab sangat memerlukan kepada ilmu tasrif kerana ia adalah alat pengukur kata bahasa Arab. Dengannya dapat diketahui akar dan imbuhan kata bahasa Arab. Suatu kata *isytiqaq* tidak dapat dikenal pasti tanpanya (ilmu *al-tasrif*). Sesungguhnya sebahagian besar kata bahasa Arab dibentuk melalui *qiyas* dan tidak sampai kepada *qiyas* tanpa melalui ilmu *tasrif*. *Tasrif* menurut bahasa adalah mengubah, menurut istilah ialah perubahan bentuk dari asal kepada bentuk-bentuk lain untuk mendapatkan makna yang dikehendaki. Kegagalan menguasai ilmu *tasrif* merupakan kegagalan menguasai sebahagian besar ilmu bahasa.

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa fleksi dan memiliki sistem morfologi yang sangat unik dan kompleks. Suatu kata dalam bahasa Arab boleh memiliki satu keluarga yang besar dan merujuk kepada satu sistem *wazan* yang sama serta mempunyai hubungan huruf dan makna antara satu sama lain. Makna asal yang umum tetap wujud pada *wazan* dalam sistem yang sama walaupun berlaku pelbagai perubahan morfologi dan fonologi dalam proses pembentukan katanya (Subhi Saleh, 2004: 175).

Struktur morfologi atau dipanggil *sarf* memberi kesan pada pembentukan makna. Pembentukan kata melalui padanan *wazan* bukan semuanya terjadi secara langsung, tetapi melalui pelbagai proses morfologi dan fonologi yang kompleks dan sukar seperti pengguguran, pengimbuhan, pengalihan, penyerapan dan penguraian, penukaran, dan sebagainya (Muhammad Idris, 2014).

Mohd Alwee (2006) dalam kajiannya menyentuh berkenaan kesan struktur morfologi kepada aspek semantik. Beliau mengambil pendapat Zeno Vendler bahawa

semantik merupakan suatu bidang kajian yang baharu dan sebenarnya satu nama kepada satu doktrin makna khasnya yang berkait dengan tatabahasa. Contoh yang dibawakan adalah penyerapan istilah-istilah Arab yang dipinjamakai dalam bahasa Melayu didapati banyak terlibat dengan perubahan makna. Seperti perkataan *alim* dan *ulama*. Masyarakat Melayu lazimnya mendefinisikan *alim* sebagai orang yang hanya berilmu, yang pandai dalam hal agama, manakala orang yang ahli (pakar) dalam pengetahuan agama Islam dinamakan *ulama*. Sedangkan antara kedua perkataan di atas mempunyai kaitan yang rapat sekali, di mana kedua-duanya daripada *ism fa'il* dan perbezaannya hanya dari segi bilangan sahaja.

### **3. Metode Kajian**

Subtopik ini akan menumpukan perbincangan berkaitan objektif, skop serta pendekatan terjemahan yang digunakan sebagai asas untuk menganalisis sampel kajian yang dipilih.

#### **3.1 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- 1-Mengenal pasti kesan struktur morfologi perkataan yang terdapat dalam teks kajian kepada makna teks sasaran.
- 2- Mengenalpasti metode penterjemahan yang digunakan dalam teks sasaran.

#### **3.2 Skop Kajian**

Kajian ini menumpu kepada analisis kesan struktur morfologi dalam teks sumber kepada aspek semantik terjemahan teks sasaran. Kajian ini akan menjadikan teori terjemahan literal dan bebas sebagai kayu ukur untuk menentukan pendekatan terjemahan yang digunakan dalam terjemahan korpus kajian. Jika dilihat kepada disiplin ilmu morfologi (*sarf*) Berdasarkan pengamatan awal, kajian hanya menumpukan kepada elemen: *Ism Tafdil*, *Sighah Mubalagah*, *Ism Fael*, *Fe'el Mazid* serta *sifat Musyabbahah*.

Kajian ini merupakan kajian analisis kandungan teks. Kaedah ini digunakan untuk menganalisis rekod ucapan, tulisan, dan item tingkah laku yang diperhatikan oleh penyelidik. Kajian ini menerima pakai teknik analisis kandungan tidak ketara. Analisis kandungan tidak ketara merupakan satu teknik penyelidikan yang memerlukan penyelidik agar membaca, meneliti, dan mentafsirkan teks tersebut mengikut tema kajiannya (Sunawari Long, 2005: 85). Dengan itu, teks-teks al-Hadis diteliti satu persatu bagi mencari maklumat berkaitan untuk dianalisis. Teks yang dianalisa ialah terjemahan hadis yang terdapat dalam khutbah Jumaat terbitan JAIS 2014 dan 2015. Kajian adalah difokuskan terhadap terjemahannya dalam bahasa Melayu.

Analisis teks hadis-hadis yang dipilih adalah melalui teknik persampelan bukan rawak. Ia merupakan teknik pemilihan sampel daripada populasi yang mana setiap individu dalam populasi tidak mempunyai peluang atau kebarangkalian yang sama dalam proses pemilihan sebagai sampel. Kajian ini menerima pakai teknik persampelan bertujuan. Pemilihan sampel bertujuan adalah pemilihan berdasarkan tujuan mendapatkan kriteria data kajian yang ditetapkan oleh penyelidik. Penyelidik telah ada tujuan dan sasaran sampel mereka. Dengan itu, teks-teks al-Hadis yang merangkumi permasalahan morfologi diteliti satu persatu bagi mencari maklumat berkaitan untuk dianalisis. Namun kajian ini hanya mengemukakan beberapa sampel hadis sahaja sebagai contoh.

### **3.3 Terjemahan Literal (Langsung) dan Terjemahan Bebas (Tidak Langsung)**

Terjemahan literal merupakan istilah yang kontroversial dalam kalangan sarjana bidang terjemahan (Fauzi Jumingan 2001). Secara umumnya, terjemahan literal berlawanan dengan terjemahan bebas. Dari segi penerapannya, orang sering keliru dengan menamakannya terjemahan literal. Terjemahan literal dimaksudkan sebagai pendekatan yang setia pada teks sumber dengan menumpukan kepada salah satu struktur atau bentuk nahu bahasa teks asal sahaja. Terjemahan ini masih memelihara kemurnian nahu bahasa sumber tetapi pada masa yang sama menjaga kegramatisan nahu bahasa sasaran. Terjemahan ini berlaku apabila bentuk teks asal dikekalkan sedapat mungkin bentuk tersebut kelihatan tidak natural dalam bahasa sasaran bagi menunjukkan bahasa asal.

Penterjemahan literal juga dikatakan penterjemahan kata demi kata seperti penterjemahan harfiah. Kadangkala pendekatan ini juga dikatakan menyerupai penterjemahan formal. Oleh sebab penterjemahan literal memfokuskan kepada bentuk bahasa, kadangkala makna juga hilang kerana makna bukan hanya lahir daripada bentuk semata-mata tetapi juga hubungan kata tersebut dengan kata-kata lain, frasa, penggunaan peribahasa; pengaruh penutur sasaran, budaya dan konteks sejarah. Kebiasannya kata makna yang berbeza-beza konteks yang pelbagai tetapi penterjemahan literal tidak melihat unsur kepelbagaian ini (Puteri Roslina: 2012).

Menurut Catford (1965), pada peringkat awal menterjemahkan sesuatu teks, terjemahan literal akan menggunakan pendekatan harfiah tetapi pada akhir proses terjemahan, kesetiaan itu mula longgar dan penterjemah mula menterjemah secara klausa demi klausa serta frasa demi frasa dan perkataan demi perkataan. Sebenarnya terjemahan literal masih bersifat relatif dan telus kerana terjemahan pada hierarki nahu tertentu. Dari segi strategi penterjemahan, terjemahan literal dianggap jelas dan jujur khususnya dalam penterjemahan teks teknikal. Nida mengatakan bahawa terjemahan literal ini terjemahan formal. Vinay dan Darbelnet menamakannya terjemahan langsung. Terjemahan literal merupakan salah satu strategi dalam menterjemahkan karya puisi yang dilakukan oleh Lefevere kerana pendekatan ini masih mengekalkan bentuk dan struktur nahu bahasa sumber

meskipun tidak semuanya. Kesetiaan pendekatan ini lebih kepada unsur nahu dan bukan unsur budaya (Puteri Roslina: 2012).

Pendekatan bebas merupakan pendekatan yang sinonim dengan aliran penterjemahan tidak langsung. Terjemahan bebas menumpukan kepada teks sasaran agar teksnya kelihatan bersahaja, sejadi dan memudahkan pembaca kedua. Perkataan dalam teks asal kurang diberikan perhatian. Kaedah ini juga dikenali sebagai *sense for sense translation* (terjemahan secara makna) serta berlawanan istilah terjemahan literal dan terjemahan harfiah (kata demi kata). Penterjemahan bebas ialah penterjemahan yang mengekalkan makna asal tetapi menggunakan bentuk natural bahasa sasaran termasuklah susunan kata dan sintaksisnya agar dapat difahami dengan mudah.

Secara linguistiknya, terjemahan bebas bermaksud pengadaptasian atau penyesuaian pada peringkat tertinggi dalam sistem nahu kedua-dua bahasa yang terlibat. Dengan kata lain, penterjemah hanya mengambil isi dan maklumat penting sahaja dalam teks sumber tetapi mengubah, mengadaptasi, membuang dan membetulkan segala bentuk dan struktur nahu teks asal.

Terjemahan bebas lebih berorientasikan teks sasaran berbanding terjemahan literal yang juga mementingkan teks sasaran tetapi dalam ruang lingkup yang cukup terbatas. Sebenarnya istilah terjemahan bebas dan terjemahan literal telah banyak dibincangkan oleh tokoh-tokoh terjemahan kerana kedua-dua istilah seolah-olah bertindan, dan berkait rapat meskipun sebenarnya ada perbezaan nyata antara kedua-duanya (Puteri Roslina: 2012).

Kajian ini akan menjadikan dua pendekatan terjemahan ini sebagai kayu ukur untuk menilai pendekatan terjemahan yang diguna pakai dalam korpus kajian.

#### **4. Dapatan Kajian**

Jumlah khutbah Jumaat terbitan JAIS sepanjang 2014-2015 ialah sebanyak 103. Dari jumlah siri khutbah tersebut hanya sebanyak 17 khutbah sahaja tidak mengandungi hadis. Ini menunjukkan khutbah terbitan JAIS memberikan penekanan terhadap penggunaan hadis dalam mengukuhkan mesej yang ingin disampaikan. Jumlah keseluruhan hadis di dalam khutbah Jumaat adalah 209.

#### **Analisis statistik ringkas berkaitan dengan khutbah Jumaat dan hadis terbitan JAIS tahun 2014-2015**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>JUMLAH</b>
1	Jumlah khutbah Jumaat	51	52	103
2	Jumlah khutbah tanpa hadis	9	8	17

3	Jumlah hadis di dalam khutbah Jumaat	99	110	209
4	Jumlah hadis beserta matan	73	69	142
5	Jumlah hadis tanpa matan	26	41	67

Namun, kajian ringkas ini hanya membawakan beberapa contoh sahaja yang mengandungi isu kajian yang ingin diperihalkan. Berikut adalah beberapa contoh analisis terjemahan :

#### 4.1 Terjemahan *Ism Tafdil*

Contoh: 1

<b>TEKS</b>	لا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ
<b>TARIKH KHUTBAH</b>	2/1/2015
<b>TERJEMAHAN</b>	“Tidak beriman seseorang kamu sehinggalah aku lebih disayanginya melebihi ibu bapanya, anak-anaknya dan manusia keseluruhannya”.

Aspek morfologi yang menjadi fokus dalam teks ini adalah perkataan أحب . perkataan ini merupakan kata nama, di atas *wazan* (timbangan) أفعال dari kategori *ism tafdil*. Ia adalah kata nama yang berfungsi untuk menunjukkan perkongsian sifat antara dua pihak di mana salah satu pihak adalah lebih berbanding yang lain. (al-Hamlawi,1999, hlm: 49). Kata akar bagi *wazan* ini ialah kata kerja أحب yang bermaksud menyintai. Maka apabila kata kerja ini dibentuk atas *wazan ism tafdil* sudah tentu ia membawa maksud yang baharu dengan objektif perbandingan lebih antara dua pihak.

Teks sasar menterjemahkan perkataan ini dengan maksud “*lebih disayanginya melebihi*”. Terjemahan ini menggunakan teknik terjemahan langsung kerana ia setia pada teks sumber dengan mengekalkan bentuk teks asal sedapat mungkin. Ia masih memelihara kemurnian nahu bahasa sumber tetapi pada masa yang sama menjaga kegramatisan nahu bahasa sasaran. Elemen *ism tafdil* turut ditampilkan dalam teks sasar dengan penggunaan perkataan ‘lebih’ namun terdapat pengulangan apabila perkataan ‘melebihi’ turut dinyatakan sekali lagi. Dicadangkan terjemahan frasa ini dengan maksud “...*lebih disayangi daripada*...”.

Contoh 2:

<b>TEKS</b>	مَنْ رَأَىٰ مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيَعْبِرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ.
<b>TARIKH KHUTBAH</b>	15/8/2014

<b>TERJEMAHAN</b>	“Sesiapa yang melihat berlakunya kemungkaran dikalangan kamu, hendaklah ia mencegahnya dengan kuasanya (jika ada) atau jika tiada, maka dengan nasihat dan jika tidak pun dengan hati (tidak redha dan mendoakan) dan yang demikian itu merupakan serendah-rendah iman”.
-------------------	--

Dalam hadis ini aspek morfologi yang difokuskan adalah *isim tafdil* iaitu perkataan أضعف. Perkataan ini atas *wazan* أفعل.

Kata akar perkataan ini adalah kata kerja ضعف bermaksud lemah manakala أضعف pula bermaksud وأجدر وأحرى (lebih sesuai dan lebih patut) (Ibn Manzur, 2003) apabila dibentuk dengan *wazan isim tafdil* ia mengandungi maksud salah satu daripada yang diperbandingkan mempunyai sifat yang lebih berbanding yang lain.

Imam al-Nawawi dan Sheikh al-Mubarakfuri (2001) menyatakan bahawa antara yang dimaksudkan dengan أضعف الإيمان ialah أقلها ثمرة (hasil yang paling sedikit). Merujuk kepada peringkat-peringkat iman daripada peringkat yang tinggi kepada peringkat yang rendah.

Teks sumber menterjemah kata nama أضعف dengan “serendah-rendah iman”. Pendekatan terjemahan ialah secara tidak langsung di mana teks sasar tidak diterjemahkan mengikut maksud literal أضعف iaitu selemah-lemah. Namun terjemahan ini menepati maksud semantik yang lahir daripada struktur *wazan* أفعل untuk menunjukkan elemen “lebih”, namun terjemahan ini juga menepati huraian ulama hadis bagi frasa ini.

Contoh: 3

<b>TEKS</b>	أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ حُلُقًا.
<b>TARIKH KHUTBAH</b>	28/8/2015
<b>TERJEMAHAN</b>	“Orang beriman yang sempurna ialah mereka yang berakhlak baik”

Dalam hadis ini terdapat dua *ism tafdil* iaitu أكمل dan أحسن. Kedua-dua perkataan ini *ism tafdil* di atas *wazan* (metre) أفعل. *Isim tafdil* digunapakai dalam bahasa Arab untuk melebihkan di mana dua perkara berkongsi sifat tertentu tetapi salah satunya mengatasi yang lain (al-Rajhi, 1973).

Kedua-dua perkataan ini berasal daripada perkataan كمل dan حسن. Perkataan كمل bermaksud kesempurnaan manakala perkataan حسن pula bermaksud lawan bagi hodoh (Ibn Manzur, 2003) apabila dibentuk dengan *wazan isim tafdil* kedua-duanya mengandungi maksud lebih berbanding yang lain.

Teks sumber menterjemah lafaz أكمل dengan maksud “yang sempurna” dan lafaz أحسن diterjemah dengan “baik” yang mana ciri *tafdil* kedua-dua perkataan ini tidak

ditonjolkan dalam bahasa sasar. Secara ringkasnya kedua-dua perkataan diterjemahkan dengan pendekatan terjemahan langsung.

Bagi menghadirkan ciri *tafdil* (lebih) yang dibawa oleh struktur kedua-dua perkataan ini dalam bahasa sasar disarankan penambahan perkataan “lebih” dalam terjemahan kedua-dua perkataan tersebut menjadi “Orang yang paling sempurna keimanannya ialah mereka yang paling baik akhlakunya”.

Contoh: 4

<b>TEKS</b>	لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ حَتَّىٰ تَنْبَتَ مِنْ سُحْتٍ، النَّارُ أَوْلَىٰ بِهِ.
<b>TARIKH KHUTBAH</b>	4/9/2015
<b>TERJEMAHAN</b>	“Tidak masuk syurga setiap daging yang tumbuh dari hasil yang haram, maka nerakalah tempat yang paling layak untuknya.”

Dalam hadis ini, aspek morfologi yang difokuskan adalah *isim tafdil* iaitu perkataan أَوْلَىٰ. Perkataan ini atas *wazan* أفعل.

Perkataan أَوْلَىٰ bermaksud أحرى وأجدر (lebih sesuai dan lebih patut) (Ibn Manzur, 2003) apabila dibentuk dengan *wazan isim tafdil* ia mengandungi maksud lebih berbanding yang lain.

Teks sumber menterjemah kata nama أَوْلَىٰ dengan “paling layak”. Terjemahan ini menepati maksud semantik yang lahir daripada struktur *wazan* أفعل. Perkataan ini diterjemahkan dengan menepati struktur morfologi *wazan* ini.

#### 4.2 Terjemahan *Ism Fa’el*

Contoh: 1

<b>TEKS</b>	لَعَنَ اللَّهُ الْخَمْرَ وَشَارِبَهَا وَسَاقِيَهَا وَبَائِعَهَا وَمُبْتَاعَهَا وَعَاصِرَهَا وَمُعْتَصِرَهَا وَحَامِلَهَا وَالْمَحْمُولَةَ إِلَيْهِ.
<b>TARIKH KHUTBAH</b>	15/8/2014
<b>TERJEMAHAN</b>	“Allah melaknat arak, peminumnya, penghidangnya, penjualnya, pembelinya, pemerahnya, meminta agar ia diperah, pembawanya dan orang yang ia dibawa kepadanya”.

Dalam hadis ini elemen morfologi yang difokuskan adalah *ism fa’el* (اسم فاعل). Ia merupakan kata nama yang dibentuk daripada masdar di atas struktur فاعل untuk menunjukkan pembuat sesuatu perbuatan atau berkaitan dengannya. Jika ia adalah perkataan yang berasal daripada

tiga huruf manakala bagi perkataan yang bukan tiga huruf ia dibentuk berasaskan *wazan fe'el mudari'nya* (al-Hamlawi, 1999, h: 46)

Terdapat tujuh perkataan di atas *wazan ism fael* ( شارب، ساقى، بائع، مبتاع، عاصر، معتصر ) dan ( حامل ) manakala satu perkataan di atas *wazan ism maf'ul* (محمولة)

Secara literal perkataan ini diterjemahkan seperti berikut:

Bil	Perkataan	Terjemahan
1	وَشَارِبَهَا	<i>peminumnya,</i>
2	وَسَاقِيهَا	<i>penghidangnya,</i>
3	وَبَائِعِهَا	<i>penjualnya,</i>
4	وَمُبْتَاعِهَا	<i>membelinya,</i>
5	وَعَاصِرِهَا	<i>pemerahnya,</i>
6	وَمُعْتَصِرِهَا	<i>meminta agar ia diperah</i>
7	وَحَامِلِهَا	<i>pembawanya</i>
8	وَالْمَحْمُولَةَ إِلَيْهِ	<i>orang yang ia dibawa kepadanya</i>

Kesemua *ism fa'el* diterjemahkan dengan maksud yang menepati kehendak teks sumber, namun dari aspek struktur terdapat tiada keselarasan pada penterjemahan مبتاع dan معتصرها kedua-duanya diterjemahkan dengan struktur kata kerja, manakala *ism fa'el* yang lain diterjemahkan dengan struktur kata nama dengan penambahan kata imbuhan “pe” di awalnya. Bagi mewujudkan keselarasan struktur dalam teks sasar dicadangkan perkataan “pembeli” digunakan untuk مبتاع serta perkataan “peminta ia diperah” bagi perkataan معتصرها.

Manakala perkataan المحمولة إليه merupakan kata nama diatas struktur اسم مفعول . Ia merupakan struktur yang menunjukkan sesuatu itu dikenakan perbuatan ke atasnya.

Pendekatan terjemahan bagi kesemua *isim fa'el* ini ialah secara terjemahan langsung. Pendekatan ini setia pada teks sumber dengan mengekalkan bentuk teks asal sedapat mungkin. Ia masih memelihara kemurnian nahu bahasa sumber tetapi pada masa yang sama menjaga kegramatisan nahu bahasa sasaran.

Contoh 2

TEKS	لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّاشِيَّ وَالْمُرْتَشِيَّ .
TARIKH KHUTBAH	6/3/2105

<b>TERJEMAHAN</b>	" <i>Rasulullah SAW melaknat orang yang memberi rasuah dan penerima rasuah</i> ".
-------------------	---

Fokus aspek morfologi dalam hadis ini ialah kata nama pembuat (*ism fa'el*). *Ism fa'el* pertama ialah الراسي atas *wazan* "فاعل" manakala perkataan kedua ialah المرتشي yang juga merupakan *ism fa'el*.

Perkataan الراسي merupakan *ism fa'el* bagi kata kerja yang mempunyai tiga huruf رشا lalu dibentuk menjadi *ism fa'el* dengan menggunakan *wazan* فاعل. Manakala المرتشي merupakan *ism fa'el* bagi kata kerja yang ditambah dengan dua huruf tambahan (ارتشي) lalu dibentuk menjadi *ism fa'el* dengan menggunakan *wazan* مفتعل.

Teks sasar diterjemahkan dengan pendekatan Terjemahan Langsung kerana ia setia pada teks sumber dengan mengekalkan bentuk teks asal sedapat mungkin. Namun terdapat perbezaan struktur terjemahan bagi kedua-dua perkataan. Teks sasar menterjemahkan perkataan الراسي dengan maksud "*orang yang memberi rasuah*". Teks sasar menggunakan kata penghubung 'yang' dan diikuti kata kerja 'memberi'. Manakala perkataan المرتشي pula dengan terjemahan "*penerima rasuah*".

Pendekatan tatabahasa Melayu penambahan imbuhan "pe" digunapakai untuk menukarkan kata dasar kepada orang atau benda yang mengalami perbuatan (Tatabahasa Dewan, 2002). Disarankan terjemahan bagi الراسي ialah perkataan "perasuah". Merujuk kepada terjemahan kedua-duanya dalam ayat di atas dicadangkan terjemahan "*Rasulullah SAW melaknat pemberi dan penerima rasuah*".

Namun secara ringkasnya penterjemahan kedua-dua perkataan ini berjaya menampilkan elemen makna yang terdapat pada struktur *isim fa'el* (اسم فاعل) yang terdapat dalam teks sumber.

#### 4.3 Terjemahan Sifat Musyabbahah

Contoh: 1

<b>TEKS</b>	اقْرَأُوا الْقُرْآنَ.. فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعاً لِأَصْحَابِهِ.
<b>TARIKH KHUTBAH</b>	10/7/2015
<b>TERJEMAHAN</b>	" <i>Bacalah al-Quran... Sesungguhnya ia akan datang pada hari Qiamat sebagai syafaat kepada orang yang membacanya</i> ".

Dalam hadis ini aspek morfologi yang difokuskan adalah *sifat musyabbahah* iaitu perkataan شفيع. Perkataan ini atas *wazan* فاعيل. *Sifat musyabbahah* ialah struktur perkataan yang dibentuk daripada kata kerja *lazim* (yang tidak memerlukan objek) untuk menunjukkan sifat yang sentiasa wujud pada benda yang disifatkan (*mausuf*) ( al-Rajih, 1973).

Perkataan الشفيع bermaksud صاحب الشفاعة (pemberi syafaat) (Ibrahim Mustafa, 1998). Struktur ini juga membawa maksud المشفع (pemberi syafaat) (Ali Al-Qari, 2002) Apabila dibentuk dengan wazan فعيل maksud perkataan ini mestilah menunjukkan sifat yang melazimi *mausuftunya*.

Teks sumber menterjemah kata nama شفيع dengan maksud “sebagai syafaat”. Terjemahan ini tidak menepati maksud semantik yang lahir daripada struktur wazan فعيل. Disarankan perkataan ini diterjemahkan sebagai “pemberi syafaat” menepati maksud struktur *sifat musyabbahah*.

#### 4.4 Terjemahan *Sighah Mubalaghah*

Contoh: 1

Hadis daripada Anas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

<b>TEKS</b>	كُلُّ بَنِي آدَمَ حَطَّاءٌ، وَحَيْرُ الحُطَّائِينَ التَّوَابُونَ
<b>TARIKH KHUTBAH</b>	15/8/2014
<b>TERJEMAHAN</b>	“Setiap anak Adam itu ada melakukan dosa. Dan sebaik-baik orang yang melakukan dosa itu ialah mereka yang bertaubat”.

Kata nama حطاء merupakan *sighah mubalaghah* (struktur gambaran melampau) dengan maksud “orang yang banyak membuat kesalahan” (Ibn Manzur, 2003) atas wazan (فعال). Begitu juga dengan perkataan توابون diatas bentuk *sighah mubalaghah* dengan wazan yang sama. *Sighah mubalaghah* dari aspek ilmu *sarf* ialah wazan *ism fa'el* yang ditukarkan dalam wazan yang lain untuk menunjukkan makna banyak dan melampau bagi sesuatu perkara (al-Hamlawi, 1999, hlm: 46). al-Mubarakfuri (2001, j:7, hlm: 170) menyatakan lafaz ini membawa maksud كثير الخطاء (*banyak melakukan kesalahan*).

Teks sasar diterjemahkan dengan pendekatan Terjemahan Langsung kerana ia setia pada teks sumber dengan mengekalkan bentuk teks asal sedapat mungkin. Ia masih memelihara kemurnian nahu bahasa sumber, namun terjemahan dalam bahasa sasar tidak menyerlahkan aspek *mubalaghah* ini. Kewujudan struktur *sighah mubalaghah* yang mempunyai elemen semantik tersendiri tidak ditonjolkan dalam teks sasar. Kehilangan elemen ini menyebabkan penekanan terhadap elemen *mubalaghah* itu hilang semasa dikomunikasikan kepada pendengar. Cadangan terjemahan” sering/banyak melakukan kesalahan”.. perkataan sering yang bermaksud sering atau acap kali (Kamus Dewan, 2015) dapat menonjolkan makna yang dibawa oleh struktur *sighah mubalaghah* ini.

Contoh 2

<b>TEKS</b>	أَفَلَا أَكُونُ عَبْدًا شَكُورًا؟
<b>TARIKH KHUTBAH</b>	20/11/2015
<b>TERJEMAHAN</b>	<i>Salahkah sekiranya aku ingin menjadi hamba yang bersyukur</i>

Menurut al-Rajihi (1973) Kata nama شُكْرٌ dari perspektif morfologi merupakan *sighah mubalaghah* (struktur gambaran melampau). Kata ibn Manzur (2003) "apabila perkataan ini disandarkan kepada manusia ia bermaksud orang yang bersungguh-sungguh untuk mensyukuri Tuhannya dengan melakukan segala ketaatan yang diperintahkan kepadanya". Huraian ini mampu membantu proses penterjemahan perkataan ini. Ibn Allan (1995, j: 1, h: 228) menyatakan: orang yang banyak bersyukur digelar شُكْرٌ.

Teks sasaran menggunakan metod terjemahan langsung kerana mengutamakan bentuk teks asal dan menyampaikan maksud yang sama dengannya. Ini berdasarkan persamaan yang wujud dengan teks sumber, khususnya dari aspek pemilihan makna kosakata. Ia mengekalkan makna setiap perkataan dalam hadis tersebut serta tiada perubahan struktur elemen ayat. Namun diperhatikan bahawa terjemahan teks sasaran tidak menunjukkan ciri *mubalaghah* (gambaran melampau) yang terdapat melalui struktur فَعُولٌ. Merujuk kepada struktur perkataan شُكْرٌ serta huraian para ulama hadis terhadap perkataan tersebut wajar ditampilkan elemen mubalaghah dalam teks sasaran. Terjemahan alternatif bagi perkataan ini ialah dengan menambahkan perkataan 'sering' atau 'banyak'.. "*hamba yang banyak/sering bersyukur*".

4.5 Terjemahan *fe'el mazid bi harf wahid*

Contoh : 1

<b>TEKS</b>	كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يمجِّسَانِهِ.
<b>TARIKH KHUTBAH</b>	11/12/2015
<b>TERJEMAHAN</b>	<i>"Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah. Maka kedua-dua ibu bapanyalah yang akan menjadikan anak itu seorang Yahudi, Nasrani atau Majusi".</i>

Tumpuan analisis ialah pada kata kerja يهَوِّدَانِهِ و ينصِّرَانِهِ و يمجِّسَانِهِ . Ketiga-tiga perkataan ini adalah kata kerja yang dibentuk daripada kata nama *nisbah* (kata nama yang ditambah pada akhir

perkataan huruf ya bersabdu untuk menunjukkan nisbah perkataan tersebut kepada sesuatu (al-Hamlawi, 1999: 78)) :

Bil	Kata kerja	Terjemahan	Perkataan Asal
1	يهودانه	<i>menjadikan anak itu seorang Yahudi,</i>	يهودي
2	نصرانه	<i>menjadikan anak itu seorang ..., Nasrani ...</i>	نصراني
3	مجسانه	<i>menjadikan anak itu seorang ...Majusi</i>	مجوسي

Ketiga-tiga perkataan dibentuk atas *wazan* فعل yang mana struktur ini antara maknanya ialah menukarkan sesuatu kepada bentuk yang lain (al-Hamlawi, 1999: 80). Ia dikategorikan sebagai *fe'el mazid bi harf wahid*.

Imam al-Nawawi menyatakan jika ibubapa seseorang bayi yang dilahirkan adalah bukan muslim maka anaknya dikira seperti kedua-duanya pada urusan dunia. Jika dia telah baligh dia terus dikira bukan muslim dan mengikut agama kedua-duanya. Namun jika ia diberikan kebahagiaan maka dia akan kembali menjadi muslim, jika tidak diberikan hidayah maka dia kekal sebagai bukan muslim (al-Nawawi, 1996, 158-159). Manakala al-Mubarakfuri pula menyatakan bahawa ketiga-tiga perkataan itu bermaksud kedua-dua ibubapa mengajar anaknya syirik dan menjadikannya musyrik.

Ketiga-tiga perkataan ini diterjemahkan dengan "... *menjadikan anak itu seorang Yahudi, Nasrani atau Majusi*". Pendekatan terjemahan adalah secara langsung, namun berlaku modifikasi struktur ayat di mana elemen kata kerja yang terdapat pada ketiga-tiga perkataan dinyatakan melalui perkataan "menjadikan". Pendekatan ini mengelakkan terjemahan secara literal "*menjadikannya seorang yahudi atau menjadikannya seorang nasrani atau menjadikannya seorang majusi*"

## 5. Kesimpulan

Kajian mendapati teks hadis yang merangkumi elemen *sarf* (morfologi) yang difokuskan oleh kajian ini diterjemah dengan menggunakan pendekatan Terjemahan Langsung. Pendekatan ini menepati maksud teks sumber serta huraian teks hadis yang dikemukakan oleh para ilmunan hadis. Bahasa terjemahan bagi elemen *sarf* juga mudah difahami, menepati fungsinya sebagai bahasa komunikasi dalam khutbah Jumaat.

Sebahagian besar contoh yang dianalisis menunjukkan penterjemahan teks dalam korpus kajian berjaya menonjolkan implikasi struktur morfologi ke atas makna teks sasar. Namun terdapat juga beberapa contoh hadis yang menunjukkan elemen makna yang terhasil daripada struktur *sarf* tidak ditonjolkan dalam teks sasar. Walaupun makna asas kosa kata

teks sumber berjaya dihasilkan dalam teks sasar namun tidak dapat dinafikan makna yang lahir daripada elemen struktur *sarf* turut perlu dihadirkan dalam teks sasar.

Penterjemahan elemen *sarf* dalam teks hadis memerlukan penterjemah merujuk bukan sahaja sumber rujukan dalam disiplin ilmu *sarf*, bahkan rujukan berorientasikan *syuruh al-hadis* (huraian hadis) juga merupakan satu kemestian.

Penekanan kepada elemen makna *sarf* ini mampu menonjolkan aspek kehebatan bahasa al-Hadis sebagai sumber rujukan hukum kedua bagi agama Islam. Ia juga dapat menghadirkan elemen *jawami' al-kalim* yang ada pada bahasa al-Hadis.

## RUJUKAN

- Abdullah Hasaan. (2007). *Linguistik Am Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Ahmad Sunawari Long. (2005). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Jabatan Usuluddin dan Falsafah. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Catford, J.C. (1965). *A linguistic Theory of Translation*. London. Oxford University Press.
- al-Hamlawi, Ahmad. (1999). *Syaza al-Arf fi Fann al-Sarf*. Beirut: Dar al-Fikr al-Arabiyy.
- Faisal Ahmad Shah. (2011). *Terjemahan Hadith Nabi SAW Ke Dalam Bahasa Melayu: Analisis Terhadap Kitab Riyad Al-Salihin Terbitan JAKIM*. Jurnal Al-Bayan. Universiti Malaya.
- Harun bin Zainal Abidin. (2014). *Penterjemahan Teks-Teks Hadith Dalam Kitab Fath al-Mu'in*. Universiti Malaya.
- Ibn Manzur, Ahmad bin Mukarram. (2003). *Lisan al-Arab*. Dar Sadir.
- Ibrahim Mustafa, Ahmad Zayyat, Hamid Abd al-Qadir & Ahmad Najjar (Majma' al-Lughah al-Arabiyyah bi al-Qaherah). (1998). *Mu'jam al-Wasit*. Qaherah: Dar al-Da'wah.
- Kamus Dewan. Edisi keempat. (2015). Cet.2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Hilmi bin Abdullah. (2008). *Teori & Kaedah Penterjemahan Arab-Melayu*, Pustaka Hilmi.
- al-Mubarakfuriy, Muhammad 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Rahim. (2001). *Tuhfat al-Ahwazi bi Syarh Jami' al-Tirmiziy*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Muhammad bin Idris. (2014). *Analisis al-Mizan al-Sarfiy Dalam Pembentukan Kata Kerja Dan Kata Nama Bahasa Arab*. Universiti Malaya.
- Muhammad Bukhari Lubis, Mohd Fauzi Jumingan & Khairunnawa Mohamed. (1998). *Penterjemahan Arab Melayu Arab Peraturan & Dasar*. Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Fauzi Jumingan. (2001). *Aliran dan Teori Penterjemahan Moden*. Monograf Sastera dan Budaya Melayu. Julai 2001. Serdang Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Alwee Yusoff dan Mohamad Azrien Mohamed Adnan. (2006). *Perkataan Arab Dalam Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Dari Aspek Semantik*. Jurnal Usuludin, Univesiti Malaya.
- al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya bin Sharaf. (1996). *Al-Minhaj: Sharh al-Nawawi ala Sahih Muslim*. Dar al-Khair.

- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir. (2005). Teori Bahasa Implikasinya Terhadap Pengajaran Tatabahasa. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Safiah Karim, Farid M Onn dan Hashim Haji Musa. (2002). Tatabahasa Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2012). Meneroka Penterjemahan Bahasa Melayu. Penerbit Universiti Malaya.
- al-Qariy, 'Ali bin Sultan Muhammad. (2002). Mirqat al-Mafatih Syarh Misykaṭ al-Masabih. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyaṭ.
- al-Rajihi, Abduh. (1973). Al-Tatbiq al-Sarfi. Beirut: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah.
- Rohaily @ Abd Rahman Bin Abd Hamid. (2012). Teks Khutbah Jumaat Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi): Kajian Tentang Metode Dan Cabaran Penyediaannya, Universiti Malaya.
- al-Siddiqiy, Muhammad bin 'Allan. (1995). Dalil al-Falihin Syarh Riyad al-Salihin. Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyaṭ.
- Subhi Saleh. (2004). Dirasat fi Fiqh al-Lughah. Cet: 16. Beirut: Dar al-Ilm li al-Malayin  
<http://e-masjid.jais.gov.my/index.php/ekhutbah>